

# Syarikat Jepun jangan takut: Dr M

JITRA: Syarikat Jepun tidak perlu bimbang untuk memindahkan teknologinya ke negara ini kerana ia sentiasa berada jauh di hadapan dalam bidang teknologi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, negara itu juga tidak perlu bimbang untuk berbuat demikian kerana teknologi berkembang dan Jepun sentiasa mempunyai teknologi baru sehingga menjadikan teknologi sedia ada ketinggalan.

"Teknologi hari ini akan menjadi lama dengan cepat. Kami memperoleh teknologi daripada anda

(Jepun), tetapi anda terus berkembang dan mempunyai teknologi baru.

"Jadi syarikat Jepun tidak perlu bimbang kami memiliki teknologi mereka kerana anda sentiasa berada jauh di hadapan daripada kami (dalam bidang teknologi)," katanya ketika menjawab soalan wartawan Japan News Network di sini, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri melawat Projek Satu Kampung Satu Pengeluaran di Kampung Naga, di sini. Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, Tim-

balan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Yasin Kamari dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Chua Jui Meng.

Projek berkenaan diusahakan oleh penduduk kampung bagi mengeluarkan tangki gentian kaca sistem perawatan air kumbahan menerusi Syarikat Pembinaan Jayabumi (S) Sdn Bhd, telah dimulakan pada 1992.

Di majlis yang sama, Dr Mahathir menerima dokumen pesanan daripada Yasin bagi membolehkan penduduk berkenaan membekalkan 5,000 unit

tangki itu untuk meningkatkan mutu persekitaran perkampungan di negara ini.

Beliau menerima dokumen pesanan bernilai RM3.9 juta daripada Presiden Hirokoh Co Ltd, Masayuki Nakaya untuk tahun pertama bagi membekalkan komponen gentian kaca yang akan dieksport ke Jepun.

Dr Mahathir berkata, sehingga ini Malaysia banyak belajar daripada Jepun menerusi Dasar Pandang Ke Timur termasuk dalam aspek teknologi, pengurusan dan budaya kerja.